

22 JUN 1999

Mahathir-Entrapment (Dengan Gambar)

MAHATHIR TAK PUAS HATI GAMBARAN SALAH MENGENAI M'SIA DALAM FILEM

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa tidak puas hati berhubung gambaran salah mengenai Malaysia dalam filem bertajuk "The Entrapment", yang sebahagiannya difilemkan di Kuala Lumpur.

Beliau berkata gambaran salah mengenai Menara Berkembar Petronas itu akan membuat penonton filem di negara-negara kaya beranggapan bahawa Malaysia adalah satu daripada negara membangun yang membazirkan wang rakyat, mungkin juga bantuan asing, terhadap monumen besar yang sia-sia.

"Dan mereka sudah tentu tidak mahu datang dan melihat bangunan paling tinggi di dunia.

"Saya tidak faham kenapa kita perlu memutar belit dan memburukkan (orang lain) sedangkan kita boleh bersikap pemurah tanpa membebankan kita," katanya pada ucapan perasmian persidangan tahunan Integrated Strategic Communication Bullseye (ISCB) Rakan Sedunia 1999 di sini.

Walaupun ada segelintir pihak yang sememangnya mempunyai keinginan untuk memutar belit dan memberi maklumat salah, Malaysia terkejut melihat menara berkembar Kuala Lumpur, bangunan tertinggi di dunia, digambarkan dibina di tengah-tengah kawasan miskin di Melaka, kira-kira 150 km dari sini.

Menara berkembar itu tidak dibina di tengah-tengah kawasan miskin seperti yang digambarkan dalam filem itu yang dibintangi Sean Connery, yang terkenal dengan watak James Bond, dan Catherine Zeta Jones.

Dr Mahathir berkata menara berkembar dibina di tengah-tengah sebuah bandaraya moden dan dikelilingi taman seluas 20 hektar yang dikunjungi orang ramai pada sebelah petang dan hujung minggu, mereka yang cukup makan, cukup pakai dan mungkin juga memakai kasut mahal.

Beliau berkata para peserta persidangan itu sudah tentu tahu bahawa penggambaran dalam filem itu adalah tidak benar.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengakui bahawa Malaysia telah melalui satu tempoh ketidakstabilan ekonomi dengan diiringi kemelut politik yang berpunca daripada pemecatan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau juga mengakui bahawa terdapat demonstrasi jalanan yang bertukar menjadi liar, tetapi, ia terbatas di Kuala Lumpur dan selepas satu minggu, bilangan mereka yang menyertainya dan jumlah demonstrasi berkurangan.

Dr Mahathir berkata para peserta persidangan boleh melihat sendiri bahawa Kuala Lumpur kini sibuk seperti biasa, kompleks membeli-belah penuh sesak, kerja-kerja pembinaan hampir kembali rancak seperti sebelum kegawatan ekonomi dan semua orang sibuk menyumbang kepada kemakmuran negara.

"Ini adalah gambaran yang sebenar. Tetapi seperti yang anda sendiri tahu, ini bukanlah gambaran yang anda perolehi ketika anda membaca laporan media atau laporan TV sebelum anda datang ke sini," katanya.

Beliau berkata adalah tanggungjawab semua pihak supaya bersikap jujur mengenai barangan dan perkhidmatan yang mereka jual dan ahli politik juga harus memastikan perkara itu atau mereka terpaksa berhadapan dengan kemurkaan mahkamah dan pengundi.

Mengenai pengiklanan, beliau percaya mereka di dalam industri pengiklanan sangat berhati-hati mengenai perkara yang dipromosikan kerana mereka tidak mahu memperdayakan pengguna, yang celik huruf dan berpendidikan dan yang tidak mudah diperdayakan.

Dr Mahathir berkata pengiklanan sangat penting bagi pertumbuhan pesat sesebuah ekonomi dan mereka harus memberikan perkhidmatan bukan sahaja kepada pelanggan tetapi juga pengguna dengan memastikan ketepatan barangan yang diiklankan.

Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana sebahagian rakan ICSB sudi menghulurkan bantuan dalam menjayakan kempennya "Malaysia: Bullish on Bouncing Back" (Malaysia: Yakin untuk Memantul Semula) pada tahun lepas dalam usaha menyekat kemerosotan keyakinan mengenai keupayaan Malaysia memulihkan ekonominya.

Persidangan lima hari itu yang berakhir Jumaat ini dihadiri anggota Lembaga Pengarah Worldwide Partners World Meeting yang mewakili rangkaian terbesar agensi-agensi pengiklanan bebas dari seluruh dunia.

-- BERNAMA

MNY AKD